

10 OCT 1997

Sambutan

RAKYAT YAKIN DR MAHATHIR BOLEH ATASI MASALAH NEGARA

KUALA TERENGGANU, 10 Okt (Bernama) -- Rakyat berkeyakinan penuh kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menyelesaikan segala masalah yang menimpa negara dengan baik dan bijaksana.

Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata kejayaan Dr Mahathir dalam mentadbir negara setakat ini juga menunjukkan bahawa beliau jujur dengan jawatan yang dipegangnya.

"Oleh itu kita sebagai rakyat hendaklah bersatu-padu dan berdiri teguh di belakang Perdana Menteri agar beliau diberi taufik dan hidayah untuk mengatasi masalah kejatuhan nilai ringgit sekarang ini," katanya semasa berucap di majlis sambutan bersama pemimpin dan rakyat Terengganu di sini.

Sambutan itu sempena menyambut kedatangan Dr Mahathir ke negeri ini dalam rangka lawatan rasminya sehingga esok. Ini merupakan lawatan Dr Mahathir ke negeri ini selepas kembali daripada lawatannya di luar negara 6 Okt lepas.

Kejayaan yang dicapai oleh negara sejak Dr Mahathir menerajui kepimpinan negara menjadikan ramai irihati dengan beliau dan usaha-usaha dijalankan untuk memecah-belahkan masyarakat, katanya.

"Tetapi atas kebulatan masyarakat sendiri dan yakin dengan pucuk pemerintahan negara, segala tohmahan dan usaha memecah-belahkan masyarakat itu tidak akan berjaya," katanya.

Terdahulu itu, Setiausaha Perhubungan Umno negeri Datuk Dr Tengku Mahmud Mansor berkata Dr Mahathir telah diiktiraf sebagai seorang pemimpin bertaraf dunia.

Beliau selaku pengerusi jawatankuasa sambutan berkata semasa pemerintahan Dr Mahathir, beliau telah berjaya membawa Malaysia menjadi sebuah negara industri daripada sebuah negara miskin yang berasaskan pertanian semata-mata.

"InsyaAllah, Dr Mahathir mampu untuk menangani segala masalah yang timbul dan teruskan perjuangan suci itu walau apa juga terjadi," katanya.

Tengku Mahmud yang juga Timbalan Menteri Pertanian berkata rakyat akan terus menyokong Dr Mahathir dan tidak rela melihat Perdana Menteri menangani masalah itu keseorangan.

"Kita tidak akan undur walau selangkah sekalipun, biar berputih tulang untuk menangani masalah kejatuhan mata wang ini," katanya. -- BERNAMA

sbs oba